

# PERPINDAHAN IBU KOTA INDONESIA KE KALIMANTAN DAN IMPLIKASINYA KE ATAS MALAYSIA

Muhammad Faizzuddin Bin Mohd Zai

Penyelidik Kluster Antarabangsa dan Keselamatan





## Perpindahan Ibu Kota Indonesia ke Kalimantan dan Implikasinya ke atas Malaysia

Kertas **PERSPEKTIF** adalah satu siri penulisan oleh pengarang bagi mengemukakan pelbagai maklumat dan pandangan kepada pembaca mengenai sesuatu tajuk.

Semua fakta dan perspektif yang dinyatakan adalah di bawah tanggungjawab pengarang.

Sehubungan dengan itu, pengarang amat berbesar hati sekiranya para pembaca juga dapat berkongsi maklum balas mengenainya.

**Emel Pengarang** : [faizzuddin@tsis.my](mailto:faizzuddin@tsis.my)

# **PERPINDAHAN IBU KOTA INDONESIA KE KALIMANTAN DAN IMPLIKASINYA KE ATAS MALAYSIA**

## **PENULIS**

**MUHAMAD FAIZZUDDIN BIN MOHD ZAI**  
Kluster Antarabangsa dan Keselamatan  
Jabatan Hal Ehwal Parlimen dan Global  
Terengganu Strategic & Integrity Institute (TSIS)

## Pendahuluan

Ibu kota (a capital; capital city; political capital) adalah merupakan sebuah bandar yang dibangunkan sebagai pusat pemerintahan suatu negara yang berfungsi sebagai pusat pentadbiran dan tempat perhimpunan para pemimpin negara. "Capital" berasal daripada bahasa Latin caput yang bererti kepala (head) kemudian dikaitkan dengan kata capitol yang bermaksud penetapan pusat pentadbiran utama dilakukan. (Yahya, 2018).

Ibu kota memainkan peranan penting dalam membentuk identiti sesebuah negara (Mayer et al., 2018). Ibu kota berperanan sebagai pusat perkembangan ekonomi, budaya dan intelektual utama yang sering dijadikan sebagai titik tengah kepada kekuatan politik serta pentadbiran dalam kalangan ahli eksekutif, legislatif, perundangan dan kakitangan Kerajaan.

Pada tahun 2019 yang lalu, Menteri Perencanaan Pembangunan Nasional (ketika itu), Prof. Bambang Brodjonegoro telah membuat satu kenyataan media susulan daripada mesyuarat pertama kabinet Jemaah Menteri yang dipengerusikan oleh Presiden Republik Indonesia, Joko Widodo yang telah menyatakan hasrat untuk memindahkan Ibu Kota Indonesia dari Jakarta ke Kalimantan. (Reuters, 2019)

Terkini, pada hari Selasa 18 Januari 2022 Dewan Perwakilan Rakyat Republik Indonesia (DPR RI) telah meluluskan Undang-Undang Ibu Kota Negara (UU IKN) yang akan menjadi punca kuasa secara mandatori ke atas pelaksanaan proses pemindahan Ibu Kota negara Indonesia (Said, 2022).

Terdapat beberapa isu yang menjadi faktor pendesak kepada tindakan Kerajaan Indonesia membuat keputusan untuk memindahkan ibu kota negara mereka. Antaranya, ialah faktor isu kesesakan lalu lintas, isu banjir (paras laut naik), dan isu kepadatan penduduk (Yaakub et al., 2021)

Selain itu, terdapat juga faktor-faktor sampingan kepada perpindahan Ibu Kota tersebut antaranya ialah faktor peluasan wilayah jaringan ekonomi (minyak dan hasil hutan), urbanisasi yang terlalu tinggi, penggunaan tanah yang terlalu tinggi (tanah semakin terhad), dan krisis air bersih (Said, 2022).

Menurut Prof. Brodjonegoro Indonesia menanggung kerugian ekonomi disebabkan kesesakan lalu lintas di Jakarta sebanyak 100 trilion rupiah (RM29.1 bilion). Pada masa yang sama Jakarta secara geografinya berada di kawasan rendah dan terdedah kepada banjir dan kini semakin tenggelam disebabkan ekstrak berlebihan air bawah tanah. Jokowi juga mengambil kira data bahawa hampir 60 peratus daripada 260 juta rakyat Indonesia tinggal di Jawa dan aktiviti ekonomi bertumpu di situ sebagai salah satu faktor kepada keputusan perpindahan ibu kota ini. (Reuters, 2019).

## Sejarah Perpindahan Ibu Kota Indonesia

Perpindahan ibu kota Indonesia ini bukanlah wacana baru dalam kalangan rakyat Indonesia. Sejak kemerdekaan pada 17 Ogos 1945 sejarah negara Indonesia telah merakamkan beberapa kali perpindahan ibu kota negara mereka atas faktor-faktor yang tertentu (Wirachmi, 2022).

Pada 17 Ogos 1945 Jakarta telah menjadi ibu kota kepada Indonesia. Proklamasi Kemerdekaan Indonesia telah dilakukan oleh Soekarno dan Mohammad Hatta di Jakarta. Sejak saat itu, Jakarta menjadi ibu kota Republik Indonesia secara automatik.

Pada 4 Januari 1946 Jakarta ditawan oleh Netherlands Indies Civil Administration (NICA) sehingga ibu kota negara mereka terpaksa dipindahkan ke Yogyakarta. Pemimpin Indonesia pada ketika itu telah melakukan pemindahan secara diam-diam dengan menggunakan kereta api.

Pada 19 Disember 1948, Yogyakarta pula diserang oleh tentera Belanda dan pada masa yang sama Presiden Soekarno dan Wakil Presiden Mohammad Hatta ditangkap dan dibuang ke Pulau Bangka. Sjafruddin Prawiranegara pada ketika itu telah mendapat mandat untuk membentuk pemerintahan darurat di Bukittinggi yang dikenal dengan Pemerintahan Darurat Republik Indonesia (PDRI).

Pada 6 Julai 1949, Soekarno dan Mohammad Hatta telah dibebaskan dari pengasingan ke Yogyakarta. Sjafruddin Prawiranegara mengembalikan mandat pemerintahan negara dan membubarkan PDRI secara rasmi pada 13 Julai 1949. Yogyakarta kemudian menjadi ibu kota Republik Indonesia, yang merupakan negara bagian dari Republik Indonesia Serikat (RIS) yang dibentuk pada 27 Desember 1949.

Pada 17 Ogos 1950, Jakarta kembali menjadi ibu kota Republik Indonesia secara de facto. Maka sejak ini, Jakarta menjadi pusat pentadbiran, perniagaan, ekonomi dan pembangunan kepada Indonesia.

Pada era Presiden Soekarno juga, Palangkaraya pernah diusulkan sebagai ibu kota baru kepada Indonesia dan pada era pemerintahan Presiden Soeharto, Jonggol di Bogor, Jawa Barat, juga pernah dicadangkan sebagai ibu kota baru bagi menggantikan Jakarta. Lokasinya sangat dekat dengan Jakarta membuatkan mereka sangat optimis untuk melakukan perpindahan ini.

Ringkasnya, perpindahan ibu kota Indonesia ke Kalimantan adalah berdasarkan kepada pertimbangan beberapa faktor iaitu pentadbiran, ekonomi, politik, geografi, sosiobudaya, demografi, dan sejarah (Mohd Udin, 2018).

Faktor pentadbiran akan memberi kesan kepada usaha untuk mempertingkatkan perkhidmatan yang cekap dan berkesan di ibu kota. Faktor ekonomi akan memberi kesan kepada usaha mempercepatkan pertumbuhan pusat ekonomi di pelbagai sudut bandar. Faktor politik akan menyumbang kepada mewujudkan kestabilan politik

tempatan. Faktor geografi akan menjadikan kedudukan Kalimantan sebagai pusat yang lebih mudah diakses oleh wilayah dari timur, barat, dan selatan Indonesia. Faktor sosiobudaya akan menyokong ke arah harmonisasi dalam menerima keterbukaan daripada orang luar. Faktor demografi menyokong usaha untuk menggembelng tenaga sumber manusia kerana terdapat jurang yang luas antara jumlah kawasan yang kosong dengan jumlah penduduk.

## Perpindahan Ibu Kota Indonesia Ke Kalimantan Timur

Apabila Presiden Jokowi mengumumkan akan mengubah ibu kota negara mereka dari Jakarta, Jawa ke Kalimantan Timur salah satu cabaran ahli akademik dalam membincangkan topik ini ialah kepelbagaian disiplin ilmu yang terlibat secara bersepadu. Aspek-aspek masalah yang berbeza lapangan disiplin ilmu ini termasuklah bidang sains sosial, sejarah, geografi, dan sains politik (Vadim Joseph Rossman, 2016). Walaupun kebiasaanya para ahli politik yang meneraju langkah pemindahan ibu kota ini sama sekali tidak bergantung kepada hasil kajian akademik secara total, namun sedikit sebanyak ia memberi kesan kepada pembangunan dasar dan pengurusan krisis pada masa akan datang.

Terdapat pelbagai pendapat masyarakat, aktivis masyarakat serta ahli akademik dalam memberikan maklumbalas ke atas langkah Jokowi ini. Antaranya terdapat pendapat yang bersetuju dan ada juga pendapat yang tidak bersetuju.

### **1) Kos untuk menampung perpindahan ibu kota ini adalah tinggi dan bakal membelanjakan banyak dana negara.**

Berdasarkan kepada keadaan di sempadan Kalimantan dengan Malaysia, secara teorinya ia bertentangan dengan tujuan Negara "the good life" iaitu Negara ini menjunjung tinggi nilai-nilai kebahagiaan atau prinsip-prinsip keadilan dalam kalangan masyarakat Indonesia (Febriana, 2019).

Perpindahan ibu kota Indonesia ini juga bakal memberikan kesan kepada kebajikan rakyat di Kalimantan itu sendiri. Hasil daripada kaji selidik yang dijalankan, 15% daripada responden berpendapat bahawa kerajaan perlu memberikan fokus untuk menyelesaikan masalah ekonomi dan pengangguran terlebih dahulu berbanding kepada langkah pemindahan ibu kota negara mereka (Theresia et al., 2020).

Banyak pendapat yang tidak bersetuju dengan cadangan perpindahan ibu kota ini. Mereka mendakwa bahawa Indonesia sedang dalam kegawatan ekonomi dan mempunyai kadar pengangguran yang tinggi. Sedangkan, pada masa yang sama kos untuk menampung perpindahan ibu kota ini adalah tinggi dan bakal membelanjakan banyak dana negara.

Mereka khawatir rakyat Indonesia akan lebih bergantung kepada Sabah dan Sarawak (Malaysia), menggunakan barangan produk Malaysia, plat kenderaan Malaysia, sistem persekolahan di Malaysia, perubatan di Malaysia, serta mata wang milik Malaysia.

## **2) Jalan keluar secara makro kepada permasalahan yang dihadapi oleh negara.**

Terdapat lima sebab mengapa pemindahan ini akan memberi manfaat kepada Jakarta, iaitu, (1) dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas yang teruk; (2) ia akan membantu memperlahankan kerosakan alam sekitar seperti pencemaran udara dan air, (3) ia akan membantu menjadikan Jakarta kurang terdedah kepada risiko bencana alam seperti gempa bumi, tsunami, gunung berapi, dan banjir; (4) ia akan mengurangkan tahap kepadatan ekonomi dan penduduk; dan (5) ia akan menghalang tanah rendah yang disebabkan oleh air bawah tanah (Shimamura & Mizunoya, 2020)

Lima faktor ini pada hakikatnya adalah pernyataan masalah yang terpaksa dihadapi oleh para pemimpin negara Indonesia sejak sekian lamanya dan ia memerlukan iltizam politik yang kukuh, meyakinkan dan konsisten sebagai jalan keluar secara makro kepada permasalahan yang dihadapi oleh negara mereka ini.

## **Hubungan Malaysia-Indonesia**

Sebagai negara jiran, Malaysia dan Indonesia adalah dua buah negara yang telah mempunyai nilai kebergantungan yang tinggi dari aspek politik, ekonomi, sosial dan keselamatan. Namun, masih wujud beberapa konflik seperti jerebu, pertikaian budaya, pendatang asing tanpa izin, ketidakadilan ke atas pembantu rumah Indonesia, pertikaian kawasan laut dan persempadanan darat.

Malaysia dan Indonesia juga adalah merupakan negara pengeluar utama getah asli dan timah dan kedua-dua negara ini secara strategiknya perlu bekerjasama untuk menangani masalah yang sama sebagai contoh dalam isu ketidakstabilan harga bahan-bahan ini (A. Rashid et al., 2019). Walaupun terdapat persaingan di dalam Pemasaran getah dan bijih timah, Malaysia dan Indonesia lebih cenderung untuk bekerjasama menghadapi persaingan getah sintetik Amerika Syarikat.

Selain itu, adalah tidak dinafikan bahawa hubungan Malaysia-Indonesia telah mempunyai asas dan penerusan yang kukuh (Ab Ghani, 2014). Hubungan yang telah terbina selama ini hanya perlu dikembangkan dengan program rentas negara yang melibatkan interaksi antara para pemimpin, generasi pemimpin-pemimpin muda, kakitangan Kerajaan, para ahli akademik dan mahasiswa daripada kedua-dua negara ini. Dengan hubungan yang akrab ini kita secara tidak langsung mempunyai potensi yang besar untuk membangunkan semula sejarah hegemoni dunia Melayu yang pernah wujud dalam sejarah dunia ketika dahulu.

## Kesan Kepada Malaysia

Apabila Indonesia mengambil tindakan untuk memindahkan ibu kota negara mereka ke Kalimantan secara tidak langsung ia memberi kesan kepada landskap geopolitik, geostrategik, dan geoekonomi di sekitar rantau ini khususnya di wilayah Borneo Malaysia yang berkongsi sempadan darat dengan bakal ibu negara baru Indonesia. (Gulasan et al., 2021). Indonesia secara geopolitiknya telah memainkan peranan sebagai kuasa besar di Asia Tenggara. Setiap langkah tindakan kenegaraan yang bersifat nasional akan memberikan impak yang sangat besar kepada negara-negara di sekitarnya termasuklah negara Malaysia.

Malaysia sangat prihatin dengan perkembangan yang berlaku di negara-negara jiran khususnya dengan apa yang sedang direncana oleh negara Indonesia ini. Malaysia menganggap bahawa perpindahan Ibu Kota Indonesia ke Kalimantan Timur ini akan memberikan peluang kepada Malaysia terutamanya Sabah dan Sarawak dalam aspek hubungan strategik antara dua negara dan dalam aspek menikmati peluang pembangunan bersama antara wilayah kita dengan wilayah negara Indonesia (Jaafar, 2022).

Menurut Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah dan Sarawak), Datuk Seri Maximus Ongkili, pihaknya akan menubuhkan satu pasukan petugas khas bersama dengan Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) bagi merancang dan memantau pembangunan sempadan Sabah dan Sarawak, selari dengan perkembangan Indonesia untuk memindahkan ibu negaranya ke Kalimantan (Patrick, 2021).

Pasukan Petugas Khas ini itu juga akan melihat kepada perkara-perkara yang lain seperti pelancongan, pertukaran budaya, pendidikan, pelancongan kesihatan, isu-isu keselamatan di sempadan serta penubuhan Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (CIQS) di sempadan antara kedua-dua negara ini.

Terdapat dua aspek utama yang bakal menjadi implikasi utama kepada Malaysia atas tindakan Indonesia memindahkan Ibu Kota mereka ke Kalimantan Timur. Pertama, aspek ekonomi dan kedua, aspek keselamatan.

### 1) Peluang dan Cabaran Ekonomi di Kalimantan Timur

Menurut Ketua Menteri Sarawak Datuk Patinggi Abang Johari Tun Openg, beliau amat yakin bahawa perpindahan ibu kota Indonesia ke Kalimantan ini bakal memberikan kesan yang positif kepada Sabah dan Sarawak terutamanya dari sudut pertumbuhan ekonomi (Bernama, 2019).

Menurut pakar ekonomi Universiti Malaysia Sarawak, Rayenda Khresna Brahmana pula, secara amnya, pembangunan ibu kota baru Indonesia itu tidak akan membawa banyak impak kepada Malaysia dalam jangka pendek, dan hanya masa yang boleh menentukan berapa banyak impak positif yang bakal diperolehi dalam jangka panjang bergantung kepada pertumbuhan dan pembangunan ekonominya (Maria Chin & Chan, 2019).

Kalimantan mempunyai lebih tinggi Keluar Dalam Negara Kasar (KDNK), mempunyai saiz pasaran yang lebih besar, potensi pergerakan modal, pelaburan dan pekerja berkemahiran tinggi yang lebih bebas di bawah ASEAN Economic Community (AEC) (Idris & Mansur, 2019).

Ruang serta potensi yang ada ini bakal memberikan peluang kepada syarikat di Malaysia untuk terlibat secara langsung dalam program pembangunan infrastruktur, seperti pembangunan bandar, utiliti, perundingan alam sekitar, dan perancangan bandar pintar.

Kesemua ini perlu diambil kira dalam membina pembinaan infra dan jalinan hubungan antara Sabah dan Sarawak dengan Kalimantan. Apa yang lebih penting ialah, Kerajaan memberikan penekanan ke atas usaha pembangunan jalan darat tanpa mengabaikan kesan-kesan sampingan yang lain.

Selain itu, Indonesia juga bakal membina Kompleks Industri Perindustrian Hijau terbesar di dunia yang terletak di Kabupaten Bulungan di wilayah Kalimantan Utara (Medina, 2021). Projek itu bakal melibatkan antara lain pelabur dari Indonesia, China, dan UAE dalam bidang tenaga suria, empangan hidroelektrik, ladang angin, dan pembangunan penjana biomas.

Kalimantan Timur memiliki pelbagai jenis bahan-bahan komoditi seperti arang batu, emas, dan minyak. Pembukaan laluan perdagangan baru melalui Indonesia Timur bakal menyaksikan wilayah tersebut menjadi pasaran baru untuk eksport komoditi perlombongannya.

Indonesia juga telah mensasarkan hampir 1.5 juta rakyat akan berpindah ke Kalimantan Timur dan dalam usaha untuk membangunkan bandar mega itu, semestinya bekalan tenaga elektrik yang diperlukan akan lebih bertambah dan jumlah elektrik yang dibekalkan oleh Sarawak Energy Bhd. Sebelum ini perlu dipertingkatkan (Yaakub et al., 2021).

Berdasarkan kepada analisa situasi di atas, maka adalah amat penting bagi pasukan petugas khas yang ditubuhkan oleh Kerajaan Malaysia yang mana turut melibatkan Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Ekonomi) untuk mempersiapkan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC), dan Perusahaan Kecil Medium dan Sederhana dari sudut modal dan kemahiran agar dapat turut sama mendapat manfaat disamping survival dalam persaingan ekonomi

Global termasuk dalam kalangan negara-negara di Asia Tenggara ke atas proses pemindahan ibu negara Indonesia ke Kalimantan Timur kelak.

## 2) Cabaran Keselamatan

Menurut Timbalan Ketua Menteri, Tan Sri Datuk Amar James Jemut Masing, Sarawak mesti bersedia untuk berhadapan dengan cabaran-cabaran daripada pemindahan pusat pentadbiran Indonesia Kalimantan Timur ini khususnya dalam isu keselamatan (Gari, 2019).

Menurut Menteri Luar Malaysia, Datuk Saifuddin Abdullah, pemindahan ibu kota Indonesia bakal membawa cabaran kepada Malaysia terutamanya dalam isu berkaitan rentas sempadan seperti penyeludupan, jenayah rentas sempadan dan sebagainya (Osman, 2021).

Sempadan darat antara Borneo Sabah dan Sarawak dengan Kalimantan Timur direkodkan adalah sepanjang hampir 1,000 KM dan sempadan ini mesti dilindungi dan diberikan perhatian oleh Kerajaan Malaysia khususnya dalam isu penyeludupan, pemerdagangan manusia dan pendatang tanpa izin.

Segala bentuk aset-aset ketenteraan yang terkebelakang dari sudut fungsi dan teknologi di bahagian Borneo mestilah diberikan perhatian yang serius agar sempadan negara yang selama ini tidak menjadi tumpuan bakal menjadi tumpuan utama masyarakat ASEAN.

Secara implikasinya, Kerajaan juga mestilah memperuntukkan dana yang lebih tinggi kepada keselamatan serta kedaulatan negara di wilayah Borneo Malaysia.

## Rumusan Perspektif

Berdasarkan kepada penelitian serta perbincangan di atas, adalah terbukti bahawa terdapat implikasi negatif (ancaman keselamatan dan kedaulatan) dan implikasi positif (peluang ekonomi) perpindahan ibu kota Indonesia dari Jakarta ke Kalimantan ke atas Malaysia khususnya negeri Sabah dan Sarawak.

Namun, secara teorinya implikasi positif adalah lebih tinggi berbanding implikasi negatif yang bakal dihadapi oleh negara Malaysia. Dari satu sudut yang lain pula, implikasi negatif ini meskipun ia lebih kecil tetapi ia bersifat pasti berlaku dan implikasi positif meskipun ia besar namun ia bersifat relatif bergantung kepada kejayaan pembangunan dan perkembangan ekonomi di ibu kota Indonesia di Kalimantan tersebut.

Saranan buat Kerajaan Malaysia;

1. Malaysia mengambil tindakan yang proaktif berbanding reaktif atau menunggu semata-mata kepada fenomena *spill over effect* yang bakal berlaku dari sudut ekonomi, pendidikan, dan pembangunan.
2. Malaysia menjadi pencetus, pemula, perintis kepada hubungan kedua-dua buah negara yang lebih akrab melibatkan pemimpin -pemimpin semasa, pelapis kepimpinan negara, kakitangan kerajaan, ahli-ahli akademik, dan juga para mahasiswa.
3. Malaysia meneroka ruang-ruang kerjasama dari sudut, ekonomi, pendidikan, teknologi dan keselamatan serantau.
4. Malaysia mempertingkatkan keupayaan aset -aset keselamatan negara di wilayah Borneo Malaysia agar sekurang-kurangnya pertahanan negara di kawasan sempadan adalah sama kukuh dengan negara jiran.
5. Malaysia memberikan tumpuan kepada pemerksaan pembangunan Sabah dan Sarawak termasuk mempercepatkan pembinaan projek Lebuhraya Trans Borneo. Pembangunan di Kalimantan, dengan dasar yang dibawa oleh Jokowi dilihat bakal memberikan persaingan yang sengit dari sudut pembangunan ke atas Borneo Sabah dan Sarawak.
6. Malaysia memberdaya Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC), dan Perusahaan Kecil Medium dan Sederhana dari sudut modal dan kemahiran dengan pakej-pakej ransangan yang sesuai.
7. Wisma Putra menjadi ketua lobi yang berkesan bagi mengetengahkan produk-produk tempatan dan mendapatkan tawaran yang lumayan dalam sektor pelaburan dan pembangunan infrastruktur ibu kota Indonesia di Kalimantan.


## SENARAI RUJUKAN

- A. Rashid, T., Raja Abdul Aziz, T. N., Ibrahim, A. F., & Mat Johar, M. H. (2019). Kerjasama Duahala Malaysia dan Indonesia : Sudut Pandang Dari Hubungan Diplomatik. *Journal of Law & Governance*, 2(1).
- Ab Ghani, R. (2014). Dinamika Hubungan Malaysia-Indonesia: Satu Retro - Perspektif. *Islam and Muslim Societies in Southeast Asia: Towards a Better Future*, 1(1).
- Bernamea. (2019). Ibu negara Indonesia di Kalimantan: Sarawak, Sabah terima tempas positif. *Utusan Borneo Online*.
- Febriana, R. P. (2019). Pro dan Kontra Mengenai Perpindahan Ibu Kota Kalimantan dipandang dari Tujuan Negara "The Good Life." *Universitas Katolik Widya Mandala Mandiun*, 1(1).
- Gari, P. (2019). Pemindahan ibu kota Indonesia ke Kalimantan Timur, cabaran baharu untuk Sarawak dan Malaysia. *Utusan Borneo Online*.
- Gulasan, A., Maraining, A., Dollah, R., & Mohd Ramzi, M. (2021). *Perpindahan Ibu Kota Indonesia ke Kalimantan Implikasinya ke atas Negeri Sabah*. Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Idris, R., & Mansur, K. (2019). *Studies on The Economy of Sabah and Kalimantan*. IBP Press.
- Jaafar, K. (2022). *Jawapan Menteri Bagi Pertanyaan-Pertanyaan*. Dewan Rakyat, Perlimen Keempat Belas, Penggal Kelima, Mesyuarat Pertama.
- Maria Chin, E. U. S., & Chan, J. (2019). From Jakarta to East Kalimantan: Will Malaysia benefit from Indonesia's new capital? *Malay Mail*.

- Mayer, H., Sager, F., Kaufman, D., & Warland, M. (2018). *The political economy of capital cities*. Routledge, An Imprint Of The Taylor & Francis Group.
- Medina, A. F. (2021). Indonesia to Construct World's Largest Green Industrial Park. *ASEAN Briefing*.
- Mohd Udin, M. (2018). Determinant Factor of Central Government Relocation In Palangkaraya, Central Kalimantan Province. *International Journal of Business and Management*, 2(3), 52–65.
- Osman, A. (2021). Pemindahan ibu kota Indonesia tingkat kes rentas sempadan. *Malaysia Gazette*.
- Patrick, E. M. (2021). Malaysia tubuh pasukan petugas kaji kesan pemindahan ibu negara Indonesia ke Kalimantan. *Awani*.
- Reuters. (2019). Jokowi mahu pindah ibu negara keluar dari Jawa. *Berita Harian Online*.
- Said, N. J. (2022). 6 Alasan Ibu Kota Negara Pindah dari Jakarta ke Kalimantan Timur. *Kompas.com*.
- Shimamura, T., & Mizunoya, T. (2020). Sustainability Prediction Model for Capital City Relocation in Indonesia Based on Inclusive Wealth and System Dynamics. *Sustainability*, 12(10).
- Theresia, Sihombing, R. M., & Simanungkalit, F. (2020). The Impact Of Indonesia Capital Relocation To Kalimantan Peatland Restoration. *Sociae Polites*, 21(2), 231–241.
- Vadim Joseph Rossman. (2016). *Capital Cities: Varieties and Patterns of Development and Relocation*. Routledge.

Yaakub, A. N., Salleh, M. S., & Ahmad Ishak, S. Z. (2021). *Perpindahan Ibu Kota Indonesia : Impak dan Peluang Kepada Sarawak*. Penerbit Universiti Malaysia Sabah.

Yahya, M. (2018). Pemindahan Ibu Kota Negara Maju dan Sejahtera. *Jurnal Studi Agama Dan Masyarakat*, 14(1), 21. <https://doi.org/10.23971/jsam.v14i1.779>



Sila petik karya ini seperti berikut :  
Muhammad Faizzuddin Mohd Zai,(2022 Mei 24).Pepindahan Ibu Kota Indonesia ke Kalimantan dan Implikasinya ke atas Malaysia.  
Perspektif, 8/2022.

Maklumat mengenai penerbitan Terengganu Strategic & Integrity Institute (TSIS) boleh didapati di :

[www.tsis.my](http://www.tsis.my)



© Hak Cipta Terpelihara